

Headline **FRIM Pasoh tumpu penyelidikan hutan**
Date **06 Aug 2011**
MediaTitle **Utusan Sarawak**
Section **TEMPATAN**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **37,981 / 113,943**

Language **Malay**
Page No **4**
Article Size **301 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **684**
PRValue **2,052**



FRIM Pasoh tumpu penyelidikan hutan

ERDA KHURSYIAH BASIR

INSTITUT Penyelidikan Hutan Malaysia (FRIM) ialah institusi sinonim dengan penyelidikan hutan di negara ini.

FRIM adalah tunjak bagi misi mengekalkan serta memelihara hutan selain daripada memugar alam sekitar untuk memastikan satu ekosistem yang stabil.

Bagaimanapun, ada yang kurang sedar akan peranan FRIM dalam aspek perhutanan Malaysia kerana bagi mereka peranan hutan adalah setakat flora yang membekalkan oksigen kepada fauna.

Hakikatnya FRIM juga dijadikan pusat penyelidikan berhubung ekologi hutan oleh pelbagai pihak.

FRIM PASOH NEGERI SEMBILAN

Bidang ekologi merujuk kepada cabang sains yang mengkaji habitat dan interaksi di antara benda hidup dengan alam sekitar.

Hutan yang terdapat di FRIM Pasoh, Jelebu, Negeri Sembilan terdiri daripada hutan tanah rendah yang jarang didapati di negara lain.

Terletak kira-kira 8.0 kilometer dari Simpang Pertang dan dua jam setengah dengan berkender-

aan dari Kuala Lumpur, FRIM Pasoh sememangnya terkenal dengan kajian perubahan hutan.

FRIM Pasoh mempunyai 340,000 pokok daripada 814 spesies yang bersaiz 1.0 sm ke atas.

Menurut statistik 25 peratus spesies pokok yang ada di Malaysia terdapat di FRIM Pasoh selain ia jua menempatkan satu per empat daripada tanaman kelapa sawit yang ada di negara ini.

FRIM Pasoh juga dilengkapi dengan kemudahan hostel dan bilik seminar yang terletak di kawasan lapang dalam hutan. Terdapat makmal kecil merangkap perpustakaan yang disertai kemudahan internet bagi kerja penyelidikan dan rujukan kepada pengunjung.

Para pengunjung juga tidak perlu risau walaupun berada di tengah-tengah hutan itu kerana penjanakuasa elektrik turut dibekalkan di premis bagi memudahkan urusan mereka.

Selain laluan trek yang bertanda, 50 hektar plot ekologi kekal yang ditubuhkan ini turut mempunyai arboretum yang bertindak sebagai taman pokok botani untuk tujuan penyelidikan dan pendidikan.

MENARA PERUBAHAN IKLIM

Dinamakan "Tree Tower-Canopy Walkway System" menara pelbagai fungsi ini dibina oleh pakar dari Jepun pada 1992 dengan ketinggian 30 meter disertai laluan pejalan kaki yang membentuk segi tiga.

Menurut Pegawai Penyelidik Kanan FRIM Wan Mohd Shukri Wan Ahmad, fungsi utama menara itu ialah memantau sekali gus sebagai penyumbang utama untuk mendapatkan data perubahan iklim.

"Meskipun daya tarikan yang ada padanya digunakan sebagai 'walkway', lebih daripada itu ia turut berfungsi untuk menyukat kuantiti karbon (karbon dioksida) yang terdapat dalam hutan berkenaan.

Di setiap lima meter tingkat menara ini terdapat alat untuk mengukur tenaga solar, bunyi dan kelembapan, manakala di atasnya pula terdapat alat mengukur kelajuan dan arah angin serta menyukat jumlah taburan hujan yang turun di sekitarnya.

Ditanya mengenai sumbangan FRIM Pasoh kepada masyarakat, Wan Shukri berkata ia didukung oleh tiga perkara pokok iaitu ekonomi, sosial dan alam sekitar.

"Dari sudut sosial, FRIM menyediakan pendidikan dan tempat penyelidikan kepada

masyarakat umum yang datang untuk menimba ilmu pengetahuan mengenai ekologi hutan.

"Buktinya ramai penyelidik luar yang datang dari serata dunia semata-mata untuk menjalankan penyelidikan mereka di sini," katanya.

Dari aspek ekonomi pula, FRIM turut membuka peluang pekerjaan kepada orang awam yang kebiasaannya terdiri daripada pelajar lepasan universiti secara kontrak dalam bidang yang berkaitan.

Di samping bekerja, mereka juga boleh terus belajar dari semasa ke semasa melalui penyelidikan berterusan yang dijalankan.

Bagi aspek alam sekitar, Wan Shukri berkata hutan di FRIM Pasoh dikekalkan untuk tujuan penyelidikan dan kajian.

FRIM Pasoh juga hampir 90 peratus dalam usahanya menjadi Pusat Kecermelangan Kajian Ekologi Tropika serta menawarkan Kursus Biologi Hutan Antarabangsa yang melibatkan peserta dari luar negara.

Terdapat juga perancangan untuk menjadikan FRIM Pasoh sebagai pusat pelancongan dengan kerjasama Jabatan Hutan Negeri Sembilan dan Kementerian Pelancongan.

— Bernama